PENDAKWA RAYA

lwn.

LIM KEE CHUAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL AZIZ MOHAMAD H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-61-90]
25 APRIL 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Jawapan tertuduh "Dalam bilik air" - Samada terjatuh di bawah s. 27 - Samada "barang" yang dimaksudkan oleh jawapan itu dijumpai akibat daripadanya - Samada penemuan atau discovery - Atau pemerolehan/recovery.*

PROSEDUR JENAYAH: *Pernyataan hemat - Perbicaraan-dalam-perbicaraan untuk menentukan kebolehterimaan pernyataan - Samada tertuduh tidak memahami amaran menurut s. 37A - Samada tertuduh tidak fasih dalam Bahasa Malaysia - Samada pernyataan tertuduh berbangkit daripada keperluan sendiri untuk membuat pengakuan salah atau confession - Atau diperolehi hasil daripada daya usaha pihak polis - Samada Bahasa Malaysia yang digunakan itu - Bahasa polis - Samada pegawai perakam gagal menghapuskan kesan ugutan - Samada tertuduh dipukul semasa berjalan ke pejabat polis - Kesan peruntukan asal - Peraturan 33, Peraturan-Peraturan Darurat 1948.*

PENTAFSIRAN: *Pentafsiran Statut - Bertentangan dengan apa yang telah diterima umum sehingga kini - Samada sesuatu pernyataan yang menginkriminasikan yang membawa kepada penemuan fakta - Untuk diterima menurut s. 27 Akta Keterangan 1950 - Samada hendak ditunjuk sebagai telah dibuat secara sukarela - Samada ada pengecualian berdasarkan s. 27 Akta Keterangan 1950.*

PENTAFSIRAN: *Pentafsiran Statut - Peraturan 33 Peraturan-Peraturan Darurat 1948 - Makna dan erti frasa "whether or not wholly or partly in answer to question" dalam subseksyen (1) s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 - Samada keseluruhan pernyataan tertuduh boleh diterima jika bantahan-bantahan atas sebab-sebab lain gagal.*

Di akhir kes pendakwaan Hakim bicara yang arif memerhatikan beberapa perkara yang merupakan isu-isu penting dalam kes ini. *Inter alia*, bagi pihak pembelaan adalah penting membuktikan samaada penghuni-penghuni lain yang menggunakan bilik mandi tertuduh; untuk menunjukkan kemungkinan dadah itu disorok disitu oleh salah seorang daripada mereka dan tidaklah oleh tertuduh. Jawapan tertuduh - "Dalam bilik air" terjatuh dibawah s. 27 oleh kerana "barang" yang dimaksudkan oleh jawapan itu telah dijumpai akibat daripadanya. Peguam bijaksana bagi tertuduh menegaskan bahawa apa yang berlaku dalam bilik mandi itu bukanlah penemuan atau discovery tetapi hanyalah pemerolehan atau recovery.

Peguam bijaksana bagi tertuduh telah mengemukakan satu lagi hujah berhubungan dengan jawapan yang dikatakan telah diberi oleh tertuduh dalam bilik tidurnya dan perbuatannya membawa polis dan menunjuk kepada bungkusan dadah dalam bilik mandinya.

Hujahnya ialah bahawa, bertentangan dengan apa yang telah diterima umum sehingga kini, sesuatu pernyataan yang mengingkriminasikan yang membawa kepada penemuan fakta, untuk ianya boleh diterima menurut s. 27 Akta Keterangan 1950 mestilah ditunjuk sebagai telah dibuat secara sukarela.

Satu lagi isu penting yang diambil kira oleh Hakim bicara yang arif ialah berhubung dengan perbicaraan-dalam-perbicaraan yang telah diadakan untuk menentukan kebolehterimaan pernyataan - "cautioned statement" itu.

Diputuskan:

[1] Melainkan pihak polis sudah sebenarnya meverifikasikan adanya fakta yang berkenaan, mereka tidaklah boleh dikatakan telah menemui fakta itu bagi maksud-maksud s. 27 walau sekalipun mereka mempercayai fakta itu tersembunyi disesuatu tempat mereka tidak boleh dikatakan sebagai telah menemui fakta itu sehinggalah mereka telah mengesahkan kepercayaan mereka dengan sebenarnya melihat fakta itu.

[2] Kes majlis Privy baru-baru ini *Lam Chi-ming v. R* [1991] 3 AER 172 sebaliknya mengesahkan secara tidak langsung, bahawa, dibawah s. 27 itu, sesuatu pernyataan yang menginkriminasikan yang membawa kepada penemuan fakta boleh diterima walaupun tidak dibuktikan dibuat secara sukarela.

[3] Mahkamah Agung, dalam kes *Razami bin Yaakob lwn. Pendakwa Raya* telah menolak pemakaian kes *Lam Chi-ming* itu. Tetapi oleh kerana sebab-sebab sebenar bagi keputusan Mahkamah Agung itu tidak dapat diperolehi Hakim bicara yang arif menyatakan fahamannya.

[4] Adalah nyata bahawa s. 27 kita adalah suatu penyimpangan statutori daripada common law Inggeris menyarankan, bahawa keputusan dalam kes *Lam Chi-ming* itu seharusnya digunakan untuk mentafsirkan s. 27 kita, bukanlah lagi perkara pentafsiran sahaja, tetapi bererti meminta supaya undang-undang kita diketepikan untuk common law Inggeris seolah-olah memansuhkan s. 76 Akta tersebut sebagai ganti.

[5] Hakim yang arif memutuskan bahawa kes *Lam Chi-ming* tidak dengan apa cara juapun menjejaskan interpretasi sehingga kini s. 27 Akta Keterangan 1950, dan kedudukan dalam undang-undang kita masih lagi pada intipatinya apa yang pada suatu masa difikirkan sebagai pengecualian dalam common law Inggeris iaitu sesuatu pengakuan salah, walaupun tidak sukarela, boleh diterima jikanya membawa kepada penemuan fakta.

[6] Setelah perbicaraan-dalam-perbicaraan itu selesai, Mahkamah ini mendapat tahu bahawa peruntukan asal iaitu Peraturan 33 Peraturan-Peraturan Darurat 1948 yang terlibat dalam kes *Cheng Seng Heng & 4 Ors. v. Public Prosecuto*r itu telah dipinda, berikutan keputusan dalam kes itu, supaya sesuatu pernyataan boleh diterima walaupun ia dibuat bagi menjawab sesuatu soalan. Kesan pindaan itu dikekalkan melalui frasa "whether or not wholly or partly in answer to questions" dalam subseksyen (1) s. 37A Akta. Keseluruhan pernyataan tertuduh boleh diterima jika bantahan-bantahan atas sebab-sebab lain gagal.

[7] Setelah mendengar keterangan tertuduh dua perkara yang saya perlu putuskan ialah samaada benar atau probabel bahawa tertuduh membuat pernyataan itu kerana ancaman terhadap Lee Nyuk Chin dan bahawa dia telah mengangguk kepalanya bukan kepada soalan "Awak faham" tetapi kepada soalan "Tak faham". Jadi didapati tertuduh tidak bercakap benar tentang pihak polis mengugutnya mengenai Lee Nyuk Chin, tentang PPP Zakaria memukulnya dan tentang pegawai perakam memalsukan pernyataan hematnya.

[8] Mahkamah ini mendapati bahawa pihak pembelaan gagal membuktikan sebagai benar atau probabel bahawa pernyataan hemat tertuduh adalah tidak benar tentang perbuatan tertuduh menunjukkan kepada polis tempat dadah itu disimpan dalam bilik mandi tertuduh dan tentang penglibatan dan hubungan tertuduh dengan dadah itu. Ini bererti bahawa pernyataan dalam pernyataan hematnya tentang menunjukkan tempat dadah itu disimpan kepada Inspektor Musa adalah benar dan ceritanya dari dok bahawa pihak polis menjumpai dadah itu sendiri tanpa penglibatannya adalah tidak benar.

[Tertuduh didapati bersalah.]

Kes-kes yang dirujuk:
Yee Ya Mang lwn. PP [1972] 1 MLJ 120 ***(dirujuk)***
PP lwn. Liew Sam Seong [1982] 1 MLJ 223 ***(dirujuk)***
Lam Chi-ming lwn. R [1991] 3 All ER 172 ***(dibezakan)***
Rozami b. Yaakob lwn. Pendakwa Raya [MARJ 05-289-90] ***(dirujuk)***
R lwn. Warickshall [1783] 1 Leach 263, 168 ER 234 ***(diikuti)***
Thurtell & Hunt's Trial [1824] Notable British Trials 55 ***(dirujuk)***
R lwn. Gould [1840] 9 Car & P 364, 173 ER 870 ***(dirujuk)***
R lwn. Ramasamy [1965] AC 1 ***(dipertimbangkan)***
PP lwn. Mohd Fuzi b. Wan Teh & Seorang Lagi [1989] 2 CLJ (Rep) 341 ***(dirujuk)***
Cheng Seng Heng & 4 lagi lwn. PP [1949] 15 MLJ 175 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37A(1)
Evidence Act 1950, s. 27
Evidence Ordinance 1895 [Ceylon], s. 27
Criminal Procedure Code [Ind], s. 27(1)
Emergency Regulation 1948, reg. 33
Police and Criminal Evidence Act 1984 [UK], s. 76, (5), (6)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Sarkar's Law of Evidence, Edisi 13, m.s. 305
Woodroffe & Amir Ali's Law of Evidence, Edisi 14, 1979 m.s. 793

Bagi pihak pendakwa raya - Farah Suhanah b. Dato' Ahmad Sarji, T.P.P
Bagi pihak tertuduh - Jeffrey Fernandez, S. Selvarajah; T/n. Fernandez & Co.

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Mohamad H:

Fakta-fakta kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut.

Pada 13 April 1990 sepasukan lapan orang anggota polis yang diketuai oleh PPP Zakaria bin Abdullah telah pergi ke rumah No. 35, Jalan Wan Empok Satu, Bandar Baru Seri Petaling, iaitu sebuah rumah teres dua tingkat jenis **split-level** yang mempunyai empat bilik tidur. Rumah itu disewakan kepada tertuduh oleh abang saksi yang bernama Bachan Singh a/l Sagar Singh. Sejak abangnya berpindah ke Australia, Bachan Singhlah yang telah pergi ke rumah itu untuk mengutip sewa daripada tertuduh, yang Bachan Singh kenali dengan nama Kenny Lim. Kali terakhir dia mengutip sewa ialah dalam bulan April 1990.

Pasukan polis itu tiba di rumah itu pada pukul 1.50 pagi. Dalam pemeriksaan-balas, Inspektor Musa bin Said berkata pasukan itu telah berpecah tiga. Inspektor Musa telah terus pergi ke sebuah bilik tidur di tingkat atas dengan Sjn. Khabri bin Dollah. Dalam pemeriksaan-balas, Inspektor Musa berkata anggota-anggota lain pergi ke bilik-bilik lain, tetapi dia juga mengakui bahawa sasaran pihak polis ialah bilik yang tersebut tadi. Pengakuan itu bererti bahawa pihak polis sudahpun mendapat maklumat, atau mempercayai atau mengesyaki, bahawa dalam bilik itu ada dadah. Di dalam bilik itu, yang tertutup tetapi tidak berkunci, Inspektor Musa menjumpai tertuduh dan seorang perempuan Cina bernama Lee Nyuk Chin sedang duduk menonton televisyen. Tertuduh telah digari tangan di hadapan. Semasa diperiksa-balas, Inspektor Musa berkata dia ada bercakap-cakap dengan tertuduh selama kira-kira dua puluh minit, tetapi dia tidak dapat ingat kebanyakan apa yang dicakapkan. Inspektor Musa nampaknya keberatan menceritakan apa yang berlaku dalam tempoh itu, tetapi menurut Sjn.

a Khabri semasa diperiksa-balas, apa yang berlaku ialah soal-siasat oleh Inspektor Musa terhadap tertuduh. Menurut Inspektor Musa, apabila, antara soalan-soalan lain, tertuduh ditanya, "Mana itu barang?", tertuduh menjawab, "Dalam bilik air."

b Tertuduh pun membawa Inspektor Musa ke bilik air dalam bilik itu dan menunjukkan ke arah sekeping papan tetingkat atau **shelf** yang terdapat pada satu palung di dinding dalam bilik mandi itu, sebagaimana yang dapat dilihat dalam gambar P12K. Di atas papan tetingkat itu, di belakang palung itu, Inspektor Musa menjumpai dua bungkusan suratkhabar yang dia tidak nampak dari pintu bilik mandi itu. Dalam pemeriksaan-balas, dia mengakui bahawa, sekiranya diperhatikan betul-betul dari tepi, bungkusan-bungkusan itu boleh kelihatan.

c Dalam satu bungkusan terdapat satu peket plastik. Dalam bungkusan lain terdapat lima peket plastik kecil. Peket-peket itu mengandungi bahan berwarna merah jambu yang kemudiannya didapati mempunyai jumlah berat 252.02 gram dan mengandungi 41.43 gram heroin.

d Dalam bilik tidur itu, Inspektor Musa juga mendapati barang-barang lain. Di atas televisyen terdapat sebatang anak kunci yang dapat membuka kunci bilik itu. Dalam laci sebuah almari terdapat dua anak kunci, yang mana adalah anak kunci kereta WBJ 7989 yang pada masa itu terletak di hadapan rumah itu. Di atas sebuah almari terdapat resit terakhir sewa rumah yang tersebut tadi. Di atas rak televisyen terdapat satu beg kulit anak kunci yang mengandungi lima anak kunci - satu daripadanya boleh membuka pintu bilik itu dan satu lagi ialah anak kunci kereta WBJ 7989 itu. Di atas almari terdapat satu ikatan tujuh anak kunci. Satu daripadanya telah digunakan oleh Inspektor Musa untuk mengunci rumah itu kemudiannya.

Tertuduh dan Lee Nyuk Chin telah ditangkap.

e Keterangan setakat ini menunjukkan bahawa bilik tidur dan bilik air itu ialah bilik tidur dan bilik air tertuduh.

f Empat orang penghuni lain rumah itu juga telah ditangkap. Menurut pegawai penyiasat, Inspektor Basharudin bin Md. Nordin, seorang daripadanya ialah Teo Ah Hock. Inspektor Basharudin berkata heroin telah dijumpai dalam biliknya dan dia telah mengaku salah kerana memiliki satu peket dan satu tiub heroin dan telah dikenakan hukuman penjara. Seorang lagi ialah Koo Bok Kee, tetapi menurut Inspektor Basharudin dia tidak ditangkap di rumah itu, tetapi di kawasan Seri Petaling, sebaik sahaja dia hendak keluar dari kereta. Dadah telah dijumpai dalam kereta itu, dalam peket-peket kecil yang lebih kurang sama seperti peket-peket kecil yang dijumpai dalam bilik air tertuduh.

g Pasukan polis itu telah meninggalkan rumah itu pada kira-kira 2.45 pagi bersama orang-orang yang ditangkap. Maka rumah itu menjadi kosong. Inspektor Musa telah mengunci rumah itu dengan mangga dan anak kunci dari ikatan tujuh anak kunci yang dijumpai dalam bilik tertuduh.

h Oleh kerana soal kemudahan mandi dalam rumah itu nampaknya dipentingkan oleh pihak pembelaan, saya akan membentangkan di sini keterangan tentang soal itu. Di rumah itu ada sebuah bilik tandas di tingkat bawah, tetapi di bilik itu tidak ada kemudahan mandi. Selain bilik mandi tertuduh, ada satu lagi bilik mandi bersebelahan bilik mandi itu, tetapi di luar bilik tidur tertuduh. Bilik mandi itu boleh dimasuki oleh penghuni-penghuni lain rumah itu tanpa perlu memasuki bilik tidur tertuduh. Semasa diperiksa-balas, Inspektor Musa berkata bilik mandi itu ada kemudahan air pancut atau **shower** tetapi dia tidak menguji kemudahan itu dan tidak pasti samaada ia boleh digunakan. Dia menegaskan bilik itu boleh digunakan untuk mandi. Dia tidak setuju bilik itu tidak boleh digunakan untuk mandi. Dia pasti polis tidak memecahkan apa-apa dalam bilik mandi itu untuk mencari dadah. Dia menafikan ada benda-

i benda yang dipecahkan dalam bilik mandi itu. Sjn. Khabri memberi keterangan yang agak sama juga semasa diperiksa-balas. Dia menegaskan orang boleh mandi dalam bilik air itu dan

tidak ada sebarang kerosakan dalam bilik mandi itu. Tetapi Inspektor Basharudin bin Mohd. Nordin, pegawai penyiasat, semasa diperiksa-balas, diperiksa-semula, dan menjawab soalan-soalan Mahkamah, telah memberi gambaran yang berlainan sama sekali. Dia telah pergi ke rumah itu pada 17 April 1990, iaitu empat hari kemudian. Rumah itu kosong dan berkunci. Dia telah masuk dengan menggunakan salah satu anak kunci yang diambil oleh pihak polis dari bilik tertuduh. Dia mendapati tandas dalam bilik mandi itu boleh digunakan, tetapi shower tidak ada air setelah dicuba dua tiga kali. Ada paip untuk menakung air dalam baldi, tetapi setelah dicuba didapati tidak ada air juga. **Sink** didapati telah jatuh ke lantai dan pecahan-pecahannya bertaburan di atas lantai. Paip **sink** masih terlekat di dinding, tetapi tidak ada air juga.

Oleh kerana rumah itu telah dikosongkan dan dikunci setelah tertuduh dan penghuni-penghuni lain rumah itu ditangkap pada 13 April, maka, dengan tiadanya keterangan bahawa rumah itu telah dimasuki oleh sesiapa sebelum Inspektor Basharudin pergi ke sana pada 17 April, saya terpaksa menganggap bahawa keadaan bilik mandi itu apabila pihak polis meninggalkan rumah itu pada 13 April adalah sebagaimana dinyatakan oleh Inspektor Basharudin. Dari keterangan Inspektor Basharudin, dan setelah memerhatikan bahawa, walaupun mereka tidak menjalankan ujian, Inspektor Musa dan Sjn. Khabri tetap bertegas bahawa bilik mandi itu digunakan untuk mandi, saya tidak dapat mengelak sangkaan bahawa Inspektor Musa dan Sjn. Khabri sengaja enggan mengakui bahawa bilik mandi itu tidak boleh digunakan untuk mandi dan bahawa **sink** dalam bilik mandi itu sudah pecah. Ini menunjukkan mereka mirip kepada mengelak daripada mendedahkan sejujur-jujurnya keterangan yang mereka fikirkan berguna kepada pihak pembelaan.

Inspektor Basharudin juga memberitahu Mahkamah bahawa dua tiga orang lain penghuni rumah itu yang ditangkap ada memberitahunya bahawa mereka menggunakan bilik mandi tertuduh oleh kerana bilik mandi yang di luar itu tidak boleh digunakan untuk mandi. Daripada hujah pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan, adalah jelas kepada saya bahawa, bagi pihak pembelaan, adalah penting membuktikan ada penghuni-penghuni lain yang menggunakan bilik mandi tertuduh, untuk menunjukkan kemungkinan dadah itu disorok di situ oleh salah seorang daripada mereka dan tidaklah oleh tertuduh. Oleh kerana isu itu adalah penting bagi pihak pembelaan, dan untuk memberi seberapa banyak manfaat yang mungkin kepada pihak pembelaan, maka, walaupun apa yang diberitahu kepada Inspektor Basharudin itu ialah semata-mata **hearsay**, tetapi saya rasa pertimbangan yang sekadarnya patut diberikan kepada maklumat itu. Saya tidak meragui keterangan Inspektor Basharudin bahawa dia telah diberikan maklumat itu. Soalnya ialah samaada maklumat itu benar. Saya tidak nampak mengapa penghuni-penghuni lain itu sanggup mengakui mereka ada menggunakan bilik mandi itu jika hal itu tidak benar, oleh kerana pengakuan itu tidak menguntungkan mereka tetapi sebaliknya mungkin memudaratkan mereka kerana mereka mungkin disyaki ada kena-mengena dengan dadah yang dijumpai itu. Jika disarankan bahawa mereka telah dipaksa atau diperdayakan oleh pihak polis supaya membuat pengakuan itu, saranan itu adalah tidak munasabah oleh kerana pengakuan itu berkemungkinan akan menjejaskan kes terhadap tertuduh. Maka saya harus menerima pengakuan **hearsay** itu sekurang-kurangnya sebagai menguatkan satu anggapan yang timbul dari hakikat bahawa hanya bilik mandi tertuduh sahaja yang boleh digunakan untuk mandi, iaitu anggapan bahawa adalah probabel penghuni- penghuni lain rumah itu ada menggunakan bilik mandi itu juga.

Peguam bijaksana bagi tertuduh telah membantah terhadap jawapan yang dikatakan diberi oleh tertuduh dalam bilik tidurnya. Beliau merujuk kepada kes *Yee Ya Mang v. Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 120. Tetapi apa yang diputuskan sebagai tidak boleh diterima dalam kes itu ialah pengakuan tertuduh bahawa dia ada mempunyai satu revolver, oleh kerana

pernyataan itu tidak menepati syarat-syarat s. 27 Akta Keterangan 1950, manakala dalam kes ini, pada pendapat saya, jawapan tertuduh - "Dalam bilik air" - terjatuh di bawah s. 27 oleh kerana "barang" yang dimaksudkan oleh jawapan itu telah dijumpai akibat daripadanya. Di bawah s. 27, sesuatu pernyataan yang membawa kepada penemuan sesuatu fakta boleh diterima walaupun pernyataan itu merupakan suatu pengakuan salah. Bagaimanapun, dalam kes ini jawapan tertuduh itu tidaklah merupakan suatu pengakuan salah. Ia hanya menunjukkan pengetahuan tertuduh tentang adanya "barang" itu dalam bilik mandi itu tanpa, dengan sendirinya atau *per se*, mengandungi pengakuan bahawa tertuduh memiliki atau telah menyimpan "barang" itu di situ. Malah, jawapan tertuduh itu adalah tidak lebih memudaratkan daripada perbuatannya pergi ke bilik mandi itu dan menunjukkan kepada "barang" itu, yang mana juga hanyalah menunjuk kepada pengetahuan tertuduh tentang adanya "barang" itu di situ.

Peguam bijaksana bagi tertuduh menghujah bahawa, oleh kerana pihak polis mestilah telah pergi ke rumah itu atas maklumat bahawa ada terdapat dadah di situ, maka bagi maksud-maksud s. 27 itu dadah itu sudahpun ditemui atau **discovered** sebelum polis pergi ke sana. Oleh yang demikian jawapan yang dikatakan telah diberi oleh tertuduh itu tidak boleh dikatakan sebagai telah membawa kepada penemuan dadah itu. Dalam lain perkataan, maksud hujah itu ialah bahawa tidak ada apa-apa penemuan pun yang berlaku dalam bilik mandi itu, dan oleh yang demikian tidaklah ada apa-apa penemuan akibat daripada apa-apa pernyataan yang dibuat oleh tertuduh. Peguam bijaksana bagi tertuduh menegaskan bahawa apa yang berlaku dalam bilik mandi itu bukanlah penemuan atau **discovery** tetapi hanyalah pemerolehan atau **recovery**.

Untuk menyokong hujahnya, beliau menarik perhatian Mahkamah kepada keratan atau **passage** di bawah tajuk "Misuse of s. 27 by the Police" di muka surat 305 buku *Sarkar's Law of Evidence*, edisi ketiga-belas, di mana terdapat pernyataan:

> When a fact is once discovered from information received from another source, there can be no discovery again even if any information relating thereto is subsequently extracted from the accused.

Peguam bijaksana juga menyebut kes *PP v. Liew Sam Seong* [1982] 1 MLJ 223, di mana keratan itu telah juga dipetik oleh Hakim yang arif.

Dengan hormatnya, saya tidak dapat bersetuju. Di dalam buku Woodroffe & Amir Ali's Law of Evidence,, edisi keempat-belas 1979, di muka surat 793, ada dikatakan bahawa penemuan bukanlah tindakan mental mengetahui sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya tetapi adalah "the physical act of finding upon search or inquiry something, or some material fact, the existence or the exact locality of which was unknown till then." Jika seseorang telah memberitahu pihak polis bahawa ada terdapat dadah di sebuah rumah, tidaklah boleh dikatakan bahawa pihak polis telah menemui fakta itu, oleh kerana, sehingga dadah itu dijumpai sebenarnya di dalam rumah itu oleh pihak polis, belumlah disahkan lagi samaada maklumat itu benar atau merupakan suatu fakta. Contoh-contoh penyalahgunaan s. 27 dalam keratan daripada buku **Sarkar** yang tersebut tadi adalah contoh-contoh di mana fakta yang berkenaan sudahpun ditemui secara fizikal oleh pihak polis.

Dalam kes *Liew Sam Seong*, sepuluh hari selepas tertuduh ditangkap, tertuduh dikatakan telah memberi maklumat kepada pihak polis yang membawa kepada penemuan beberapa amunisi di sebuah rumah. Hakim yang arif telah menerima sebagai munasabah keterangan pihak pembelaan bahawa, sebelum tertuduh memberi maklumat itu, pihak polis telah pergi ke rumah itu dengan menggunakan anak kunci yang didapati daripada tertuduh dan telah duduk di situ untuk membuat serang hendap terhadap seseorang. Hakim yang arif itu membuat

kesimpulan bahawa adalah munasabah dianggap bahawa pihak polis semestinyalah telah mengetahui tentang wujudnya amunisi di rumah itu. Oleh kerana itu, maklumat itu telah diputuskan tidak boleh diterima di bawah s. 27.

Soal yang saya bertanya diri sendiri ialah apakah yang dimaksudkan oleh Hakim yang arif itu apabila beliau berkata pihak polis mestilah telah mengetahui tentang adanya amunisi itu. Adakah beliau bermaksud pihak polis telah sebenarnya menemui amunisi itu dalam rumah itu atau adakah beliau bermaksud bahawa pihak polis, dalam fikiran mereka, mempercayai bahawa amunisi itu ada di situ? Adalah tidak jelas daripada penghakiman itu apakah yang dimaksudkan. Jika orang memberitahu saya bahawa dia telah nampak suatu benda tersembunyi di suatu tempat dan saya mempercayainya, saya mungkin, dalam percakapan seharian yang biasa, berkata bahawa saya mengetahui barang itu tersembunyi di tempat itu, tetapi jika, misalnya, saya kena memberi keterangan di Mahkamah atas sumpah, dan saya menumpukan fikiran saya kepada soal itu, saya akan menyedari bahawa, jika saya berkata saya mengetahui barang itu ada di situ, kata-kata saya itu adalah tidak betul oleh kerana, melainkan saya sendiri ada melihatnya di situ, deskripsi yang paling tepat bagi keadaan mental saya ialah saya mempercayai dan bukannya mengetahui barang itu ada di situ. Jika dalam kes itu, Hakim yang arif itu, dalam menggunakan perkataan "know", bermaksud mengetahui sebagai suatu fakta dan bukan suatu kepercayaan, maka keputusan dalam kes itu adalah konsisten dengan kedudukan undang-undang sebagaimana yang tersebut dalam buku Woodroffe & Amir Ali yang saya sebutkan tadi.

Pada pendapat saya, melainkan pihak polis sudah sebenarnya meverifikasikan adanya fakta yang berkenaan, mereka tidaklah boleh dikatakan telah menemui fakta itu bagi maksud-maksud s. 27. Walau sekalipun mereka mempercayai fakta itu tersembunyi di sesuatu tempat, mereka tidak boleh dikatakan sebagai telah menemui fakta itu sehinggalah mereka telah mengesahkan kepercayaan mereka dengan sebenarnya melihat fakta itu.

Peguam bijaksana bagi tertuduh telah mengemukakan satu lagi hujah berhubungan dengan jawapan yang dikatakan telah diberi oleh tertuduh dalam bilik tidurnya dan perbuatannya membawa polis dan menunjuk kepada bungkusan dadah dalam bilik mandinya. Hujahnya ialah bahawa, bertentangan dengan apa yang telah diterima umum sehingga kini, sesuatu pernyataan yang mengingkriminasikan yang membawa kepada penemuan fakta, untuk ianya boleh diterima menurut s. 27 Akta Keterangan 1950, mestilah ditunjuk sebagai telah dibuat secara sukarela. Bagi menyokong hujah itu, peguam bijaksana bergantung kuat kepada satu kes Majlis Privy baru-baru ini, iaitu *Lam Chi-ming v. R* [1991] 3 All ER 172. Dengan hormatnya saya tidak bersetuju. Kes itu sebaliknya mengesahkan, secara tidak langsung, bahawa, di bawah s. 27 itu, sesuatu pernyataan yang menginkriminasikan yang membawa kepada penemuan fakta boleh diterima walaupun tidak dibuktikan dibuat secara sukarela.

Dalam hujahnya pada akhir kes pembelaan, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana memberitahu Mahkamah bahawa Mahkamah Agung, dalam kes *Rozami bin Yaakob lwn. Pendakwa Raya* (MARJ 05-289-90), telah menolak pemakaian kes *Lam Chi-ming* itu. Tetapi oleh kerana sebab-sebab sebenar bagi keputusan Mahkamah Agung itu tidak dapat diperolehi, saya akan menyatakan berikutnya fahaman yang saya perolehi tentang kedudukan perkara ini daripada pembacaan kes itu selepas kes pihak pendakwaan ditutup.

Pada mulanya di bawah **common law** - sebagaimana terbayang dalam *R v. Warickshall* [1783] 1 Leach 263, 168 ER 234 - sesuatu pernyataan tidak sukarela yang menginkriminasikan, walaupun ianya membawa kepada penemuan fakta, tidak boleh diterima oleh kerana difikirkan bahawa, memandangkan pernyataan itu tidak sukarela, ianya adalah **unreliable.**

Kemudiannya, di hujung abad kelapan-belas dan di awal abad kesembilan-belas, satu pengecualian telah dibuat dalam beberapa kes, misalnya *Thurtell and Hunt's Trial* [1824] Notable British Trials 55 dan *R v. Gould* [1840] 9 Car & P 364, 173 ER 870. Pengecualian itu berlaku oleh kerana difikirkan bahawa alasan bagi menolak pengakuan-pengakuan salah yang tidak sukarela ialah semata-mata alasan **unreliability** dan, jika demikian halnya, penolakan, atas sebab **unreliability**, sesuatu pernyataan tidak sukarela yang menginkriminasikan tetapi membawa kepada penemuan fakta adalah tidak lojik, oleh kerana penemuan kemudiannya akan fakta itu menunjukkan bahawa pernyataan itu adalah benar dan **reliable**.

Oleh yang demikian kes-kes itu telah membuat pengecualian membolehkan diterima sesuatu pengakuan salah tidak sukarela yang membawa kepada penemuan keterangan. Perkembangan itu telah dikanunkan dalam Indian Criminal Procedure Code 1861 dan dalam s. 27(1) Ceylon Evidence Ordinance 1895, iaitu seksyen yang bersamaan dengan s. 27 Akta Keterangan 1950 kita.

Dirumuskan secara kasar, supaya jelas untuk melupuskan poin ini, s. 27 kita adalah pada intipatinya suatu pengkanunan perkembangan yang membenarkan penerimaan pernyataan-pernyataan tidak sukarela yang menginkriminasikan dan yang membawa kepada penemuan keterangan. Itulah sebabnya s. 27 itu dikanunkan. Maka bolehlah dilihat bahawa pentingnya s. 27 itu ialah kerana ia membenarkan kemasukan pengakuan-pengakuan salah tidak sukarela yang membawa kepada penemuan fakta. Itulah sebabnya mengapa saya berkata bahawa kes *Lam Chi-ming* itu mengesahkan pentafsiran s. 27 yang telah diterima umum sehingga kini.

Tetapi kebijakan atau soundness perkembangan atau pengecualian itu, yang dikanunkan dalam s. 27 kita, telah disangkal oleh kes-kes kemudiannya. Jika, sebagaimana Viscount Radcliffe berkata dalam kes *R. v. Ramasamy* [1965] AC 1 di muka surat 14-15 prinsip yang diperbadankan atau **embodied** dalam s. 27 Ceylon Evidence Ordinance 1895 itu telah sentiasanya dijelaskan sebagai suatu prinsip yang disedut daripada **common law** Inggeris, tetapi kini Majlis Privy, sebagaimana dinyatakan di muka surat 178 kes *Lam Chi-ming*:

> are unable to accept that the exception which appears to have existed for a short time in the early part of the nineteenth century, under which evidence of part of a confession was admitted, ever became established as a part of the common law.

Apa yang ditunjukkan oleh kes-kes yang kemudian itu ialah bahawa kedudukan yang betul menurut **common law** masih lagi bahawa segala pengakuan salah tidak sukarela tidak boleh diterima walaupun ianya membawa kepada penemuan fakta. Ini ialah kerana justifikasi sebenarnya menurut **common law** bagi menyingkirkan pernyataan seperti itu bukanlah kerana **unreliability** tetapi kerana keperluan menegakkan prinsip bahawa seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menginkriminasikan diri sendiri, dan untuk menegak atau mengekalkan keadilan atau **fairness**. Oleh yang demikian, walaupun sesuatu pernyataan itu terbukti benar dan **reliable** dari penemuan yang berikutnya, ia tetap tidak boleh diterima jika tidak sukarela.

Di England kedudukannya sekarang adalah diliputi oleh s. 76, Police and Criminal Evidence Act 1984, yang bukan sahaja tidak memberi peluang untuk memasukkan pengakuan salah tidak sukarela yang membawa kepada penemuan fakta, tetapi, lebih jauh daripada itu, juga tidak membenarkan penerimaan keterangan tentang fakta yang ditemui hasil daripada pengakuan seperti itu, melainkan keterangan tentang bagaimana penemuan itu dibuat diberikan oleh tertuduh sendiri atau bagi pihaknya. Sila lihat subseksyen (5) dan (6). Maka adalah jelas bahawa s. 27 kita mengandungi satu prinsip yang, kini menurut Majlis Privy dalam kes *Lam Chi-ming* itu, telah disalah anggap sebagai suatu pengecualian **common law** bagi ketidakbolehterimaan pengakuan salah yang tidak sukarela dan tidak pernah menjadi sebahagian daripada **common law. Common law**, sebagaimana dicerminkan sekarang dalam

s. 76 tersebut, tidak pernah mengiktiraf pengecualian yang terkandung dalam s. 27 kita. Adalah nyata bahawa s. 27 kita adalah suatu penyimpangan statutory daripada **common law** Inggeris. Menyarankan, sebagaimana dibuat oleh peguam bijaksana bagi tertuduh, bahawa keputusan dalam kes *Lam Chi-ming* itu seharusnya digunakan untuk mentafsirkan s. 27 kita, bukanlah lagi perkara pentafsiran sahaja, tetapi bererti meminta supaya undang-undang kita diketepikan untuk **common law** Inggeris seolah-olah memansuhkan s. 27 kita dan memakai s. 76 Akta tersebut sebagai ganti.

Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa kes *Lam Chi-ming* tidak dengan apa cara jua pun menjejaskan interpretasi sehingga kini s. 27 Akta Keterangan 1950, dan kedudukan dalam undang-undang kita masih lagi pada intipatinya apa yang pada suatu masa difikirkan sebagai pengecualian dalam **common law** Inggeris, iaitu sesuatu pengakuan salah, walaupun tidak sukarela, boleh diterima jika ianya membawa kepada penemuan fakta.

Pada 16 April 1990 satu pernyataan hemat atau **cautioned statement** oleh tertuduh telah dirakamkan oleh Inspektor Hassan Jalaluddin bin Abd. Malik. Satu perbicaran-dalam-perbicaraan telah diadakan untuk menentukan kebolehterimaan pernyataan itu. Pada akhir keterangan Inspektor Hassan dan keterangan pegawai penyiasat, Inspektor Basharudin, peguam bijaksana bagi tertuduh telah mengemukakan beberapa hujah terhadap kebolehterimaan pernyataan itu. Pertama, beliau menghujah bahawa tertuduh tidak memahami amaran yang telah diberikan menurut s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh kerana tertuduh tidak fasih bercakap dalam Bahasa Malaysia dan amaran itu tidak dijelaskan maksudnya. Keterangan mengenai perkara itu adalah seperti berikut. Tentang kefasihan dalam Bahasa Malaysia, Inspektor Hassan berkata dia berpuas hati tertuduh memahami Bahasa Malaysia setelah Inspektor Hassan memperolehi butir-butir latarbelakang diri tertuduh sebelum memulakan rakaman pernyataan itu. Inspektor Hassan berkata bahawa setiap soalan yang dikemukakan telah dijawab oleh tertuduh dengan terang dalam Bahasa Malaysia. Tentang amaran itu pula, dia berkata dia tidak memberi penjelasan oleh kerana, apabila dia bertanya tertuduh samaada tertuduh faham, tertuduh telah mengangguk kepalanya dan kemudiannya dia telah menandatangani tempat yang berkenaan dalam borang pernyataan. Inspektor Hassan berkata bahawa biasanya, jika jawapannya ialah "Ia", dia akan menyatakan demikian dalam borang pernyataan. Tetapi dalam kes ini, oleh kerana tertuduh hanya mengangguk kepala, dia tidak menyatakan dalam borang itu bahawa tertuduh menjawab dia faham. Semasa diperiksa-semula dia berkata dia tidak perlu menjelaskan amaran itu kepada tertuduh oleh kerana tertuduh memahami amaran itu.

Tentang hujah itu, saya telah memutuskan bahawa amaran tidak perlu dijelaskan jika tertuduh memahaminya tanpa penjelasan dan bahawa, di peringkat itu, melainkan dan sehingga saya mendengar keterangan tertuduh, saya terpaksa menerima keterangan Inspektor Hassan sebagai benar, iaitu tertuduh telah menyatakan dia memahami amaran itu dengan mengangguk kepalanya.

Keputusan saya itu semestinyalah melibatkan keputusan bahawa, sehingga saya mendengar keterangan tertuduh, saya terpaksa menerima keterangan Inspektor Hassan bahawa tertuduh mengakui memahami Bahasa Malaysia dan boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Lagipun pegawai penyiasat juga berkata bahawa dia biasa berbual-bual dengan tertuduh dalam Bahasa Malaysia dan dia mendapati tertuduh dapat memahami dan bertutur dalam Bahasa Malaysia.

Kedua, peguam bijaksana bagi tertuduh menghujah bahawa pernyataan tertuduh bukanlah berbangkit daripada keperluan di pihak tertuduh sendiri untuk membuat pengakuan salah atau **confession** tetapi telah diperolehi hasil daripada daya usaha pihak polis. Beliau menyamakan perakaman pernyataan hemat dengan rakaman pengakuan salah oleh seseorang Majistret, di

mana Majistret mesti berpuas hati bahawa tertuduh sendiri ingin membuat pengakuan salah, kerana insaf atau untuk membersihkan jiwanya, misalnya. Beliau menyebut kes *Public Prosecutor v. Mohd. Fuzi b. Wan Teh & Anor.* [1989] 2 CLJ (Rep) 341. Keterangan tentang perkara ini adalah seperti berikut. Pegawai penyiasatlah yang telah meminta Inspektor Hassan merakamkan pernyataan hemat itu. Dia berkata perakaman pernyataan itu telah diatur menurut amalan biasa mengambil pernyataan daripada semua orang yang ditangkap. Semasa diperiksa-balas, dia mengakui bahawa bukanlah tertuduh yang hendak membuat pernyataan itu. Mengenai soal ini, saya telah berkata bahawa saya tidak dapat menerima saranan bahawa perakaman pernyataan hemat oleh polis mestilah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama seperti perakaman **confession** oleh Majistret, dan bahawa tidaklah menjadi apa-apa kepada kebolehterimaan sesuatu pernyataan hemat samaada pernyataan yang diberi itu timbul daripada keinsafan dan kehendak tertuduh sendiri atau berhasil dari usaha polis.

Ketiga, adalah dikatakan bahawa Bahasa Malaysia yang digunakan dalam pernyataan itu adalah bahasa polis, bukan bahasa tertuduh. Semasa memeriksa-balas Inspektor Hassan, peguam bijaksana bagi tertuduh telah mengemukakan beberapa contoh, tetapi Inspektor Hassan menegaskan bahawa kata-kata yang dirakamkan itu adalah kata-kata tertuduh dan bukan bahasa polis. Saya telah memutuskan bahawa, sehingga saya mendengar keterangan tertuduh, saya tidak ada sebab menolak keterangan Inspektor Hassan bahawa apa yang dirakamkan adalah apa yang dikatakan oleh tertuduh.

Keempat, adalah didakwa bahawa sesetengah soalan adalah bersifat pemeriksaan balas, yang mana adalah tidak dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan pada masa itu dalam kes *Cheng Seng Heng & 4 Ors. v. Public Prosecutor* [1949] 15 MLJ 175. Saya memahami kes itu sebagai memutuskan bahawa hanya jawapan-jawapan kepada soalan-soalan sedemikian sahaja yang tidak boleh diterima, dan bukanlah keseluruhan pernyataan yang dibuat. Oleh kerana itu, saya telah memutuskan pada peringkat itu bahawa, sekiranya setelah selesai perbicaraan-dalam-perbicaraan saya mendapati bantahan-bantahan lain terhadap kebolehterimaan pernyataan itu gagal, saya akan menentukan bahagian-bahagian manakah pernyataan itu yang boleh diterima.

Tetapi setelah perbicaraan dalam perbicaraan itu selesai, saya mendapat tahu bahawa peruntukan asal, iaitu Peraturan 33 Peraturan-Peraturan Darurat 1948, yang terlibat dalam kes itu telah dipinda, berikutan keputusan dalam kes itu, supaya sesuatu pernyataan boleh diterima walaupun ia dibuat bagi menjawab sesuatu soalan. Kesan pindaan itu dikekalkan melalui frasa "whether or not wholly or partly in answer to questions" dalam subseksyen (1) s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952. Maka keseluruhan pernyataan tertuduh boleh diterima jika bantahan-bantahan atas sebab-sebab lain gagal.

Kelima, adalah didakwa bahawa pegawai perakam telah gagal menghapuskan kesan ugutan yang tertuduh mendakwa telah dibuat dalam bilik tidurnya. Dalam pernyataan hematnya tertuduh dikatakan berkata bahawa, setelah dia menafikan ada menyimpan dadah dalam biliknya, polis berkata kepadanya, "Baik awak cakap kalau saya jumpa awak susah." Saya telah memutuskan bahawa ugutan itu adalah ugutan ke arah menemui dadah itu. Oleh kerana, pada masa pernyataan hemat itu dirakamkan, dadah itu sudahpun ditemui dengan kerjasama tertuduh, ugutan itu sudah habis kesannya.

Tertuduh kemudiannya telah memberi keterangan. Dia berkata empat atau lima orang anggota polis telah memasuki bilik tidurnya, termasuklah Inspektor Musa, Sjn. Khabri dan PPP Zakaria. Seorang daripada mereka telah mengacukan sepucuk pistol kepadanya dan kepada perempuan Cina yang bernama Lee Nyuk Chin itu. Tertuduh kemudiannya digari tangan di belakang. Dia dan Lee Nyuk Chin disuruh duduk bercangkung. Anggota-anggota polis itu berada dalam

bilik itu selama dua puluh minit. Tertuduh ada ditanya di manakah benda itu, tetapi dia tidak menjawab. Dia berkata dia telah ditanya banyak soalan untuk mencari benda itu tetapi dia tidak dapat ingat soalan-soalan itu oleh kerana anggota-anggota polis itu telah menyoalnya serentak. Semasa diperiksa balas, dia berkata dia tidak menjawab apa-apa soalan. Dia menegaskan dia telah dipukul oleh PPP Zakaria pada kepalanya. PPP Zakaria telah menyuruh tertuduh mengakui barang itu adalah barangnya. Jika tertuduh tidak mengakui, Lee Nyuk Chin akan ditangkap dan dihantar ke penjara. Tertuduh berkata dia masih lagi tidak mengakui. Dia berkata dia tidak melihat barang itu sehinggalah di pejabat polis. Dia berkata semasa dalam perjalanan ke pejabat polis dia telah dipukul di hadapan dan di belakang tetapi dia tidak mengetahui siapakah yang memukulnya.

Tertuduh berkata di pejabat polis dia mendengar seseorang memberitahu Lee Nyuk Chin supaya meminta tertuduh mengakui, jika tidak Lee Nyuk Chin akan mati oleh kerana ada kes terhadapnya. Tertuduh juga disuruh mengakui supaya Lee Nyuk Chin boleh dilepaskan.

Tertuduh berkata dia memberi pernyataan itu oleh kerana dia bimbang tentang keselamatan Lee Nyuk Chin.

Tertuduh menegaskan dia telah ditanya samaada dia memahami amaran yang telah diberi dan dia telah menjawab, “Tidak”. Kemudian pegawai perakam bertanya, “Tak faham?” dan tertuduh telah mengangguk kepalanya.

Tertuduh berkata bahawa dia memberitahu pegawai perakam apa yang berlaku dalam bilik tidurnya. Semasa diperiksa-balas, dia berkata dia memberitahu apa yang sebenarnya berlaku. Kemudian dia berkata dia tidak memberitahu apa yang benar. Selepas itu dia berkata dia memberitahu sedikit tentang apa yang berlaku, dan dia bercakap benar. Bila ditanya sekali lagi dia menafikan dia telah bercakap benar. Dia mendakwa Inspektor Hassan telah menulis apa yang dia tidak kata. Dia mengakui Inspektor Hassan telah menulis dalam borang pernyataan, tetapi tidak pada masa dia memberi jawapan. Dia berkata dia hanya memberitahu Inspektor Hassan tentang ugutan PPP Zakaria. Implikasi dari itu ialah bahawa tertuduh mengatakan Inspektor Hassan telah merekakan bahagian-bahagian lain dalam pernyataan itu. PPP Zakaria pula berkata dia telah pergi ke bilik tidur tertuduh hanya setelah dadah dijumpai. Dia menafikan memukul tertuduh pada masa itu atau kemudiannya. Dia menafikan mengugut tertuduh di sana atau di pejabat polis.

Setelah mendengar keterangan tertuduh, dua perkara yang saya perlu putuskan ialah samaada benar atau probabel bahawa tertuduh membuat pernyataan itu kerana ancaman terhadap Lee Nyuk Chin dan bahawa dia telah mengangguk kepalanya bukan kepada soalan “Awak faham?” tetapi kepada soalan “Tak faham?”.

Dalam hujah peguam bijaksana bagi tertuduh tentang keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan itu, isu yang dibangkitkan tentang ugutan adalah bersabit dengan ugutan yang diceritakan dalam pernyataan hemat tertuduh, iaitu ugutan terhadap diri tertuduh sendiri yang berbunyi, “Baik awak cakap kalau saya jumpa awak susah.” Ugutan itu, jika benar, mestilah ugutan yang dibuat di dalam bilik tidur tertuduh sebelum dadah itu dijumpai. Di peringkat itu peguam bijaksana bagi tertuduh berhujah bahawa pegawai perakam pernyataan hemat, setelah mendengar dari tertuduh tentang ugutan itu sepatutnya berusaha menghapuskan kesan ugutan itu dari fikiran tertuduh. Saya telah memutuskan bahawa tidak mungkin kesan ugutan itu masih ada pada fikiran tertuduh kerana matlamat ugutan itu telah dicapai dengan terjumpanya dadah itu. Lagipun di peringkat itu saya tidak dapat menolak keterangan pegawai perakam itu bahawa tertuduh mengakui dia tidak diugut untuk membuat pernyataan itu.

Tetapi dalam keterangan tertuduh, ugutan yang dibangkitkan ialah ugutan yang dikatakan dibuat oleh PPP Zakaria di bilik tidur itu dan ugutan yang dikatakan dibuat di pejabat polis. Ugutan itu adalah ugutan yang melibatkan nasib Lee Nyuk Chin. Tertuduh tidak menyatakan siapakah yang mengugutnya di pejabat polis. Tertuduh berkata bahawa ugutan PPP Zakaria ialah ugutan bahawa Lee Nyuk Chin akan ditangkap dan dihantar ke penjara sekiranya tertuduh tidak mengakui barang itu barangnya. Tertuduh berkata ugutan itulah yang membuatnya memberi pernyataan itu kepada pegawai perakam.

Dalam pada itu tertuduh berkata semasa diperiksa-balas bahawa pertama kali dia melihat dadah itu ialah apabila ia ditimbang di pejabat polis. Ini bererti tertuduh menafikan dadah itu muncul semasa polis berada bersamanya dalam bilik tidurnya. Oleh yang demikian adalah tidak mungkin dia dipaksa mengakui dadah itu dadahnya. Saya tidak dapat menerima bahawa pihak polis telah menyuruh tertuduh mengakui dadah itu dadahnya sedangkan dadah itu belum muncul lagi. Saya juga tidak dapat menerima bahawa dalam keadaan itu tertuduh tidak menjawab atau berkata apa-apa.

Tentang kemungkinan polis menggunakan apa yang saya namakan sebagai taktik **wearing-down**, saya tidak ragu-ragu bahawa dalam bilik tidur itu tertuduh telah disoal-siasat. Tetapi tertuduh sendiri tidak menyatakan apakah yang telah dilakukan kepadanya selain daripada disoal serentak banyak-banyak oleh empat atau lima anggota polis dan dipukul di kepala oleh PPP Zakaria.

Saya perlu menimbang dakwaan kena pukul itu dengan keterangan PPP Zakaria bahawa dia hanya masuk bilik itu setelah dadah dijumpai dan bahawa dia tidak memukul atau mengugut tertuduh. Walaupun Mahkamah mestilah mengambil berat sebarang dakwaan pihak polis melakukan kekerasan, tetapi ia tidak seharusnya mempercayai atau menerima kemungkinan dakwaan itu benar dengan sewenang-wenangnya. Dakwaan tertuduh adalah terlalu ringkas. Dia hanya berkata PPP Zakaria pukul dia di kepala tanpa menggambarkan insiden pemukulan itu dengan hal-hal keadaan sekelilingnya. Dakwaan tertuduh adalah semata-mata suatu **bald statement** yang tidak disokong dengan gambaran yang realistik. Saya tidak dapat menerima dakwaan seperti itu sebagai benar atau probabel. Begitu juga tentang dakwaan kena pukul dalam perjalanan ke pejabat polis.

Tertuduh tidak mendakwa apa-apa kekerasan atau taktik wearing-down telah dikenakan kepadanya semasa di pejabat polis, selain daripada ugutan - tidak diketahui oleh siapa - Lee Nyuk Chin akan mati kerana ada kes dadah terhadapnya. Tertuduh berkata sebab itulah dia sanggup memberi pernyataan, iaitu untuk menyelamatkan Lee Nyuk Chin. Tetapi tertuduh menafikan dia telah berkata apa-apa dalam pernyataannya kecuali tentang ugutan PPP Zakaria, yang mana tentulah tidak akan memuaskan hati pihak polis. Jadi bagaimanakah hendak mempercayai dia telah memberi pernyataan untuk menyelamatkan Lee Nyuk Chin? Sebaliknya tertuduh mendakwa pernyataan hematnya adalah rekaan pegawai perakam semata-mata. Saya menolak dakwaan itu bulat-bulat sebagai sesuatu yang tidak dapat diterima oleh akal tanpa apa-apa sokongan atau sebab yang munasabah. Tidak mungkin pegawai perakam akan sanggup mengambil tindakan yang begitu melampau dan salah semata-mata untuk memastikan ada keterangan terhadap tertuduh.

Jadi saya mendapati tertuduh tidak bercakap benar tentang pihak polis mengugutnya mengenai Lee Nyuk Chin, tentang PPP Zakaria memukulnya dan tentang pegawai perakam memalsukan pernyataan hematnya.

Selain itu, satu contoh tertuduh tidak bercakap benar dapat dilihat apabila dia memberi jawapan-jawapan yang berbeza dan berubah semasa diperiksa-balas tentang samaada dia bercakap benar dalam pernyataan hematnya. Walaupun benar bahawa kebenaran sesuatu

pernyataan hemat tidaklah menjadi isu dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan untuk menentukan kebolehterimaannya, namun begitu jawapan tertuduh yang berubah-ubah kepada soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya kerana dia mendakwa apa yang dirakamkan adalah berlainan daripada apa yang dia katakan, mestilah menjadikan sukar untuk menerima sebagai benar atau probabel dakwaannya bahawa pernyataan hemat itu adalah palsu.

Dakwaan tertuduh tentang makna anggukan kepalanya itu bererti bahawa pegawai perakam terus membuat rakaman walaupun sudah mendapat pengesahan melalui anggukan kepala bahawa tertuduh tidak memahami amaran yang diberikan. Dakwaan itu mestilah ditimbang bersama dengan dakwaan bahawa pegawai perakam telah merakamkan apa yang tertuduh tidak berkata. Oleh kerana saya tidak dapat menerima dakwaan yang satu itu, saya juga tidak dapat menerima dakwaan yang satu lagi.

Atas sebab-sebab itu saya telah memutuskan bahawa pernyataan hemat tertuduh boleh diterima.

Dalam pernyataan hematnya, tertuduh berkata bahawa soalan yang ditujukan kepadanya oleh pihak polis ialah, “Ada simpan dadah di bilik awak?” dan tertuduh telah menjawab, “Tidak ada”. Kemudian polis berkata kepadanya, “Baik awak cakap kalau saya jumpa awak susah”, lalu tertuduh menjawab, “Di belakang tiang di bilik air”. Menurut pernyataan itu, tertuduh kemudiannya membawa polis ke bilik air dan menunjukkan tempat dadah itu disimpan. Kemudian tertuduh ditanya, “Dadah ini siapa punya?” dan dia menjawab, “Saya punya”.

Menurut pernyataan itu, menjawab soalan-soalan pegawai perakam, tertuduh berkata bahawa Lee Nyuk Chin, teman wanitanya, tidak mengetahui apa-apa tentang dadah itu, bahawa setahunya tidak ada orang lain yang masuk ke dalam bilik airnya selain dia dan Lee Nyuk Chin, bahawa dia membeli dadah itu di Jinjang dari seorang yang dikenali sebagai Sukolong dengan harga RM1,750 dan bahawa dia hendak menjual dadah itu kepada kawannya di Cheras yang bernama Chat Soh dengan harga RM2,000. Menurut pernyataan itu, tertuduh tidak tahu di mana Sukolong dan Chat Soh tinggal kerana dia hanya berhubung dengan mereka melalui telefon.

Saya telah menolak dakwaan tertuduh yang bercanggah bahawa dia telah membuat pernyataan itu untuk menyelamatkan Lee Nyuk Chin dan bahawa pernyataan itu adalah rekaan Inspektor Hassan semata-mata. Ini bermakna saya mendapati pernyataan itu sebenarnya telah dibuat oleh tertuduh dan dibuat dengan sukarela.

Pernyataan itu membuktikan benar keterangan Inspektor Musa bahawa tertuduh telah mengaku kepadanya dadah itu berada dalam bilik mandi dan telah menunjukkan tempatnya kepada Inspektor Musa dan membuktikan bahawa dadah itu berada dalam posesi tertuduh dan bukan orang lain. Oleh kerana pernyataan itu dibuat dengan sukarela dan mengandungi pengakuan terhadap diri tertuduh sendiri, maka pengakuan itu mestilah benar.

Sekiranya tidak ada pernyataan hemat itu, keterangan yang ada terhadap tertuduh hanyalah keterangan Inspektor Musa dan Sjn. Khabri bahawa tertuduh memberitahu mereka dadah itu berada di dalam bilik mandi dan telah menunjukkan tempatnya kepada Inspektor Musa. Sekiranya keterangan kedua-dua saksi polis itu layak dipercayai, maka, pada pertimbangan saya, keterangan itu sahaja sudah cukup untuk membuktikan dadah itu berada dalam posesi tertuduh.

Sebagaimana telah saya katakan tadi, jawapan tertuduh kepada soalan “Mana barang itu?”, iaitu “Dalam bilik mandi”, tidak menambah apa-apa kepada perbuatan tertuduh membawa Inspektor Musa ke bilik mandi dan menunjukkan kepadanya tempat dadah itu disimpan.

Jawapan itu hanyalah membuktikan tertuduh mengetahui ada dadah dalam bilik mandi itu. Begitu juga perbuatan tertuduh menunjukkan tempat dadah itu kepada polis. Ia juga hanya menunjukkan tertuduh mengetahui dadah itu ada di situ. Implikasinya sama sekiranya ada jawapan itu tetapi tidak ada perbuatan itu atau ada perbuatan itu tetapi tidak ada jawapan itu, iaitu tertuduh hanya mengetahui dadah itu ada di situ. Mengetahui sahaja tidak bererti mempunyai kustodi atau kawalan. Tetapi yang membuktikan kustodi atau kawalan ialah hakikat bahawa tertuduh ialah penyewa rumah itu, bilik tidur itu ialah bilik penghuniannya dan bilik mandi itu ialah bilik mandi dalam bilik tidur itu yang mana adalah khas untuk penggunaan tertuduh. Jika tertuduh mengetahui ada dadah dalam bilik mandi itu, maka, tanpa penjelasan di sebaliknya, kesimpulan munasabah yang dapat dibuat ialah bahawa tertuduh telah meletaknya di situ. Walaupun mungkin penghuni-penghuni lain rumah itu ada menggunakan bilik mandi itu, saya menolak sebagai tidak probabel kemungkinan penghuni lain meletakkan dadah itu di situ dengan pengetahuan tertuduh tanpa tertuduh menghalang perbuatan itu atau membuang dadah itu. Malah sekiranya tertuduh mengetahui ada penghuni yang meletakkan dadah dalam bilik mandinya, tetapi tertuduh membiarkan dadah itu berada di situ, bolehlah dikatakan bahawa tertuduh sudah menjadi orang yang mempunyai kustodi dan kawalan terhadap dadah itu.

Tetapi, sebagaimana saya telah nyatakan tadi, keterangan mengenai kemudahan mandi dalam rumah itu menunjukkan kemiripan di pihak Inspektor Musa dan Sjn. Khabri untuk mengelak daripada mendedahkan sejujur-jujurnya keterangan yang mereka fikirkan mungkin berguna kepada pihak pembelaan. Mungkin mereka mempercayai bahawa tidak ada orang lain yang menggunakan bilik mandi tertuduh, dan, oleh yang demikian, tidaklah akan menjadi tidak adil sekiranya mereka tidak berterus terang tentang keadaan yang mungkin digunakan untuk menghujah bahawa ada orang lain yang menggunakan bilik mandi itu. Mungkin kecacatan dalam keterangan mereka tentang aspek itu tidak semestinya bererti mereka tidak bercakap benar tentang kata-kata tertuduh dalam bilik tidurnya dan tentang perbuatannya menunjuk kepada tempat dadah itu disimpan. Tetapi sekiranya ternampak seseorang saksi itu berkemungkinan tidak berterus-terang tentang sesuatu aspek sampingan keterangan, dengan niat supaya kebenaran tentang aspek itu tidak digunakan untuk mengaburkan sesuatu aspek keterangan yang penting, adalah sukar hendak berasa yakin bahawa adalah selamat menerima keterangan mereka tentang aspek penting itu, lebih-lebih lagi jika keterangan mereka adalah tentang perkara-perkara halus yang mudah direka dan diselitkan, seperti kata-kata tertentu dan perbuatan menunjuk kepada sesuatu. Oleh sebab itu, jika keterangan dalam kes ini adalah terdiri daripada keterangan Inspektor Musa dan Sjn. Khabri sahaja, saya akan mendapati adalah tidak selamat bertindak atas keterangan mereka semata-mata tentang apa yang tertuduh katakan atau lakukan dalam bilik tidur dan bilik mandi tertuduh. Tanpa keterangan tentang kata-kata dan perbuatan tertuduh itu, keterangan yang ada hanyalah keterangan tentang adanya dadah itu dalam bilik mandi itu, tanpa keterangan pengetahuan di pihak tertuduh, dan itu tidaklah memadai untuk membuktikan posesi oleh kerana dadah itu mungkin telah diletakkan di situ oleh seseorang penghuni lain rumah itu yang mungkin telah menggunakan bilik mandi itu.

Tetapi dengan adanya pernyataan hemat tertuduh sebagai keterangan, kedudukannya adalah berlainan, kerana ia mengesahkan kebenaran keterangan Inspektor Musa dan Sjn. Khabri bahawa tertuduh telah berkata dadah itu berada dalam bilik mandinya dan tertuduh telah membawa mereka ke bilik mandi itu dan menunjukkan tempat dadah itu kepada mereka, selain daripada mengandungi pengakuan terus oleh tertuduh bahawa dadah itu dipunyai olehnya. Berdasarkan kepada pernyataan hemat itu, saya telah mendapati bahawa tertuduh ada kes untuk dijawab.

Tertuduh telah memilih untuk membuat pernyataan dari dok. Tentang apa yang berlaku dalam bilik tidurnya, tertuduh berkata bahawa Inspektor Musa telah bertanya kepadanya, "Mana barang itu?", tetapi tertuduh tidak menjawab. Seorang anggota polis telah berkata kepadanya jika dia enggan memberitahu mereka di mana dadah itu berada, tertuduh dan teman wanitanya akan dibawa ke balai polis dan didera. Tertuduh berkata Inspektor Musa mengugutnya dengan berkata, "Baik awak cakap, kalau saya jumpa awak susah". Tertuduh berkata PPP Zakaria juga telah banyak menyoalnya dan telah menendangnya di kepala dan berkata, "Baik kasi tahu, nanti saya jumpa itu barang lu mati". PPP Zakaria juga mengugut tertuduh dengan berkata, "Kalau awak tidak mahu mengaku itu barang saya tangkap bini ke balai". Menurut tertuduh, anggota-anggota polis telah memeriksa biliknya dan telah membawanya dan teman wanitanya ke balai polis. Dalam perjalanan dalam kereta ke pejabat polis, dia juga telah dipukul oleh beberapa orang anggota polis. Tertuduh berkata semasa di balai polislah dia nampak dadah itu, iaitu semasa ia ditimbang oleh anggota-anggota polis. Mereka berkata kepadanya itulah dadah yang diperolehi dari bilik mandinya.

Pernyataan tertuduh itu bermaksud bahawa dia tidak mengetahui langsung tentang dadah di dalam bilik mandinya dan tentang penjumpaan dadah itu di situ oleh pihak polis dan bahawa pihak polis telah mereka-rekakan keterangan terhadapnya untuk menganiayainya.

Tentang pernyataan hemat itu pula, tertuduh memberi cerita yang berlainan daripada apa yang dinyatakan dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan. Pada masa itu, sambil dia berkata dia telah memberi pernyataan untuk menyelamatkan teman wanitanya, dia juga mendakwa bahawa pernyataan itu telah dipalsukan oleh Inspektor Hassan dan bahawa dia tidak berkata apa yang terkandung dalam pernyataan itu. Sekarang, dia mengakui pernyataan itu telah dibuat olehnya tetapi dia telah dipaksa membuat pernyataan itu untuk menyelamatkan teman wanitanya. Tentang waktu ugutan itu dibuat dan orang yang membuatnya, tertuduh berkata ugutan itu dibuat apabila pihak polis merakamkan pernyataannya. Implikasinya ialah bahawa ugutan itu datang daripada Inspektor Hassan. Tetapi dalam perbicaraan dalam perbicaraan tertuduh tidak membuat dakwaan seperti itu. Fahaman saya dari keterangannya dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan ialah bahawa ugutan itu dibuat di ketika lain dan bukan semasa urusan merakamkan pernyataan hemat.

Dalam menimbang pernyataan tertuduh, saya mengambil ingat tentang percanggahan-percanggahan di antara keterangannya dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan dan apa yang dikatakannya dalam pernyataannya itu. Saya juga mengambil ingat akan jawapan- jawapannya yang berlainan apabila diperiksa balas tentang samaada dia telah memberitahu apa yang sebenarnya dalam pernyataan hematnya. Saya juga mengambil ingat bahawa pernyataan dari dok tidak dapat diuji melalui pemeriksaan balas.

Apa yang saya fahami dari pernyataan tertuduh itu ialah bahawa tertuduh tidaklah mendakwa kandungan pernyataan hemat itu telah disediakan dahulu oleh pihak polis, sebagai satu rekaan semata-mata, iaitu bukan sebagai merakamkan kata-kata tertuduh, untuk ditandatangani sahaja oleh tertuduh, tetapi dia telah sebenarnya berkata segala apa yang dirakamkan itu, cuma kata-kata itu tidak benar dan adalah kata-kata yang disebut mengikut kehendak polis semata-mata. Ini membangkitkan gambaran yang tidak probabel bahawa segala apa yang terkandung dalam pernyataan hemat itu telah diajar terlebih dahulu kepada tertuduh, dan kemudian tertuduh telah diminta mengulangi balik apa yang telah diajarkan itu untuk dirakam sebagai kata-katanya sendiri. Jika pihak polis hendak menganiayai tertuduh, dan tertuduh sanggup membuat pengakuan yang akan membuktikan kesalahan terhadapnya, apa yang dapat diterima sebagai apa yang pihak polis akan lakukan ialah menyediakan satu pengakuan bertulis dan menyuruh sahaja tertuduh menandatanganinya tanpa perlu menjalankan proses olok-olok meminta

tertuduh membuat pernyataan dan memberi jawapan- jawapan yang telah diajar terlebih dahulu. Pernyataan tertuduh yang mendakwa bahawa pernyataan hematnya adalah tidak benar adalah seperti berikut:

> Because I was threatened by the threats and also because I loved my girlfriend, I gave and signed an untrue statement to the police, saying that when the police came into my room and asked me where the barang was, I led the policemen to the toilet and showed them where the drugs were.

Adalah jelas bahawa apa yang tertuduh mendakwa sebagai tidak benar ialah pernyataannya bahawa dia membawa polis ke bilik mandi dan menunjukkan kepada polis di mana dadah itu berada, tetapi tertuduh tidak mendakwa sebagai tidak benar bahagian-bahagian lain pernyataannya di mana dia mengakui bahawa dadah itu ialah kepunyaannya dan bahawa dia memperolehi dadah itu dari Sukolong dengan harga RM1,750 untuk dijual kepada Chat Soh dengan harga RM2,000, yang mana adalah juga pengakuan-pengakuan yang membuktikan secara terus penglibatannya dengan dadah itu. Sekiranya dihujahkan bahawa pernyataan tertuduh yang dipetik tadi bererti juga bahawa tertuduh menafikan kebenaran segala pernyataan-pernyataan lain dalam pernyataan hematnya, ini bererti bahawa tertuduh mendakwa bahawa cerita tentang Sukolong dan Chat Soh itu dan segala pernyataan lain dalam pernyataan hemat itu adalah semata-mata rekaan Inspektor Hassan, yang keluar dari mulut Inspektor Hassan dan disuruh tertuduh mengulangi secara lisan untuk dirakamkan sebagai pernyataan tertuduh. Saya mendapati adalah tidak probabel maklumat-maklumat yang terkandung dalam pernyataan itu, lebih-lebih lagi tentang Sukolong dan Chat Soh, adalah rekaan Inspektor Hassan.

Dari segi kebolehpercayaan saksi pula, dari keterangannya dalam perbicaraan-dalam-perbicaraan saya menilai Inspektor Hassan sebagai saksi yang bercakap benar dan saya tidak dapat menerima sebagai benar atau probabel dakwaan tertuduh bahawa Inspektor Hassan telah mengusahakan satu percakapan hemat yang palsu. Tidak terdapat sesuatu faktor dalam kes ini yang menunjukkan perkara itu adalah probabel.

Atas sebab-sebab itu saya mendapati bahawa pihak pembelaan gagal membuktikan sebagai benar atau probabel bahawa pernyataan hemat tertuduh adalah tidak benar tentang perbuatan tertuduh menunjukkan kepada polis tempat dadah itu disimpan dalam bilik mandi tertuduh dan tentang penglibatan dan hubungan tertuduh dengan dadah itu. Ini bererti bahawa pernyataan dalam pernyataan hematnya tentang menunjukkan tempat dadah itu disimpan kepada Inspektor Musa adalah benar dan ceritanya dari dok bahawa pihak polis menjumpai dadah itu sendiri tanpa penglibatannya adalah tidak benar.

Oleh kerana pihak pembelaan gagal membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan, saya mendapati tertuduh bersalah.

Also found at [1992] 2 CLJ 1160